



NOH OMAR

Kerajaan Pusat teruskan projek infrastruktur RM75.5 juta di Selangor

SHAH ALAM 7 Jan. - Kerajaan Persekutuan meneruskan projek pembinaan infrastruktur bernilai RM75.5 juta untuk kemudahan rakyat Selangor pada tahun ini.

Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Negeri Selangor (MPTNS), Datuk Seri Noh Omar berkata, infrastruktur tersebut melibatkan projek tebatan banjir dan projek berimpak tinggi sistem pengangkutan.

"Kerajaan Persekutuan menerusi

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan projek menaik taraf sistem tebatan banjir dan perparitan di Pelabuhan Klang dalam dua fasa iaitu masing-masing bernilai RM25.5 juta dan RM20 juta.

"Projek tebatan banjir fasa pertama sedang dalam pembinaan dan bagi fasa kedua masih dalam proses tender. Projek tersebut adalah bagi memastikan masalah banjir kilat tidak berulang di kawasan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Tindakan Persekutuan, di sini, hari ini.

Noh berkata, bagi projek berimpak tinggi di negeri ini, kerajaan Pusat akan menaik taraf sistem pengangkutan dengan nilai projek sebanyak RM30 juta.

"Projek Letak dan Pandu (Park & Ride) bernilai RM30 juta akan dilaksanakan di Salak Tinggi, Sepang oleh

Jabatan Kerja Raya.

"Projek tersebut bakal menyediakan kemudahan sebanyak 450 tempat meletak kereta.

"Selain itu, kita akan membina tempat meletak kereta untuk golongan orang kurang upaya serta wanita dan tempat pejalan kaki berbumbung," katanya.

Noh juga memberitahu, pembinaan Hospital Shah Alam berjalan lancar dan dijangka siap tidak lama lagi.